

**RINGKASAN PERUTUSAN PERHIMPUNAN BULANAN
JABATAN ALAM SEKITAR PADA 6 MAC 2007 OLEH
Y.BHG DATO' HAJAH ROSNANI BINTI IBARAHIM**

Y. Bhg. Dato' memanjatkan rasa kesyukuran kepada Tuhan kerana semua warga Jabatan Alam Sekitar dapat berkumpul pada perhimpunan bulanan kali ini. Beliau berharap semua warga Jabatan Alam Sekitar meningkatkan lagi semangat kerja, memperbaiki mutu dan etika kerja sempena tahun baru 2007 ini.

Perutusan Y. Bhg. Dato' pada perhimpunan kali ini menekankan sekali lagi kepentingan meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan, menambah bilangan serta meningkatkan kualiti produk Jabatan. Produk-produk Jabatan ditakrifkan sebagai apa juga perkhidmatan yang diberi oleh Jabatan Alam Sekitar seperti memproses permohonan kelulusan EIA, TOR dan pelesenan. Setiap bahagian termasuk pejabat-pejabat negeri dan cawangan disaran supaya dapat menghasilkan produk yang bermutu tinggi.

Y. Bhg. Dato' juga menggesa setiap pegawai projek yang mengendalikan projek-projek di bawah RMK-9, supaya mempercepatkan pelaksanaan projek. Kelewatan pelaksanaan projek Jabatan Alam Sekitar di bawah RMK-9 tidak harus berlaku kerana projek-projek yang dipertanggungjawabkan bukanlah projek yang sukar dan mengambil masa lama untuk dilaksanakan. Walau bagaimanapun, banyak projek yang sepatutnya sudah mencapai

tahap pelaksanaan, masih lagi berada di tahap perancangan atau penyediaan. Sebagai contoh, Program Pendidikan dan Kesedaran Alam Sekitar boleh dilaksanakan mulai sekarang kerana program pendidikan dan kesedaran alam sekitar merupakan projek yang mudah dilaksanakan jika dibandingkan dengan projek-projek lain; tidak perlu menunggu untuk dilaksanakan hanya pada suku tahun ketiga atau keempat.

Pegawai-pegawai projek harus sedar bahawa proses mendapatkan kelulusan untuk menjalankan sesuatu projek itu mengambil masa yang agak lama. Dalam hal ini mereka mesti bertindak awal. Beliau juga mengingatkan semua bahagian agar dapat bekerjasama antara satu sama lain bagi memastikan projek-projek berkenaan berjalan dengan lancar. Perjalanan projek hendaklah sentiasa dipantau.

Y. Bhg. Dato' juga menarik perhatian, sebarang perubahan atau pindaan kepada skop projek jika perlu, hendaklah dilakukan dengan segera pada awal tahun. Semua pegawai projek digesa menyiapkan program selewat-lewatnya pada bulan Oktober tahun ini, iaitu suku tahun ketiga. Tindakan ini perlu dilakukan untuk mengelakkan sebarang kesulitan memproses bayaran yang sering terjadi pada akhir tahun.

Y.Bhg. Dato' mengingatkan semua warga Jabatan Alam Sekitar supaya lebih peka dan prihatin terhadap isu-isu alam sekitar. Semua perlu pantas menyampaikan maklumat penting kepada orang ramai mengenai langkah-langkah yang perlu diambil apabila menghadapi sesuatu masalah alam sekitar. Beliau memberi contoh mengenai isu jerebu yang dilaporkan akan melanda dalam tempoh beberapa bulan dari sekarang. Justeru, usaha-usaha bersama perlu dilakukan mulai dari sekarang. Orang awam perlu dididik agar tidak melakukan pembakaran terbuka sewenang-wenangnya. Beliau juga mengimbas kembali kejadian jerebu yang melanda negara pada tahun 1997 dan 1998. Dengan mengambil iktibar dari kejadian tersebut, beliau menyarankan kepada semua warga Jabatan Alam Sekitar sentiasa bersiap sedia bagi menghadapi sebarang kemungkinan kejadian jerebu teruk pada tahun ini. Hal ini penting kerana, segala langkah persediaan awal yang dilakukan secara sistematik boleh mengatasi isu yang dihadapi dengan lebih berkesan. Bak kata pepatah *sediakan payung sebelum hujan*.

Y. Bhg. Dato' juga menyentuh mengenai aspek integriti pegawai dan kakitangan yang perlu diberikan penekanan. Perbuatan rasuah adalah ditegah sama sekali. Perbuatan rasuah boleh berlaku dalam pelbagai situasi misalnya pemberian dalam bentuk hadiah, wang tunai atau habuan-habuan lain. Sesiapa sahaja jika didapati bersalah atas tuduhan rasuah tidak akan mendapat pertolongan daripada Jabatan. Pegawai dan kakitangan Jabatan Alam Sekitar terutama yang terlibat dalam proses kelulusan EIA, pegawai-pegawai penguatkuasa dan juga pegawai-pegawai yang terlibat dengan

urusan tender akan sentiasa terdedah kepada elemen-elemen rasuah. Justeru, semua warga Jabatan Alam Sekitar perlu mendisiplinkan diri masing-masing dan mengingatkan antara satu sama lain agar tidak terjebak dengan perbuatan rasuah walau dalam keadaan apa sekalipun.